

# AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974



## A. AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 memperuntukkan kawalan pengimportan dan perkilangan racun makhluk perosak dengan pendaftaran dan permit serta penguatkuasaan.

## B. DEFINISI RACUN MAKHLUK PEROSAK MENGIKUT AKTA

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mentakrifkan racun perosak sebagai:

- i) Apa-apa bahan yang mengandungi suatu perawis aktif;
- ii) Apa-apa persediaan, campuran atau benda yang mengandungi mana-mana satu perawis aktif itu atau lebih sebagai satu daripada juzuknya.

## C. PERAWIS AKTIF

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mentakrifkan bahan aktif sebagai sesuatu perawis, sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, yang mempunyai sifat-sifat racun makhluk perosak dan yang memberikan sifat-sifat racun makhluk perosak kepada sesuatu bahan, benda persediaan atau campuran, dan perawis aktif itu merupakan satu daripada juzuk dalam bahan, benda, persediaan atau campuran.

## D. PERATURAN-PERATURAN DAN KAEADAH-KAEADAH DI BAWAH AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

- i. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pendaftaran) 2005 (Pindaan) 2008;
- ii. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengimportan Bagi Maksud Pelajaran dan Penyelidikan) 1981,(Pindaan) 1987;
- iii. Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984
- iv. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan dan Penyimpanan Untuk Jualan) 2007;
- v. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Iklan) 1996;
- vi. Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Racun Makhluk Perosak Amat Berbisa) 1996, (Pindaan) 2004;
- vii. Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pengendali Kawalan Makhluk Perosak) 2004.
- viii.Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan bagi Pengilangan) 2011
- ix .Kaedah Racun Makhluk Perosak (Perakuan Cerakinan) 1994.